

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

SOALAN : Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan keberkesanan Program Jihad Memerangi Orang Tengah dalam usaha mengawal dan mengurangkan harga barang dan mekanisme-mekanisme lain yang akan dijalankan oleh Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Fokus bagi mengurangkan harga barang di pasaran sentiasa dititikberatkan oleh Kerajaan melalui usaha bersepadu yang dijalankan secara berterusan. Bagi Kementerian ini, penumpuan lebih menjurus kepada aspek pengeluaran agromakanan negara. Melalui Dasar Agromakanan Negara (DAN), penekanan terhadap jaminan bekalan makanan (*food security*), peningkatan pendapatan petani dan kemampuan bekalan makanan negara telah dijadikan fokus utama.

Usaha ini telah diperhebatkan melalui pendekatan agresif kementerian melalui program Jihad Memerangi Orang Tengah (JMOT) dengan menggariskan empat (4) objektif utama seperti berikut :

- i. Meningkatkan pengeluaran agromakanan negara yang mampan;

- ii. Meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan;
- iii. Meningkatkan kuasa beli pengguna terhadap hasil produk agromakanan dengan harga yang berpatutan; dan
- iv. Kelestarian bekalan agromakanan bagi imbalan import eksport.

Sepanjang tahun 2014, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian ini ke arah memerangi manipulasi dan monopoli Orang Tengah dengan pencapaian seperti berikut:

a) Melalui program Jihad Memerangi Orang Tengah (JMOT) sub-sektor padi yang telah dilancarkan pada 16 Januari 2014, impak yang telah dicapai adalah:

- i. Perluasan ruang pemasaran kepada pesawah melalui pewujudan 36 Pusat Belian Padi (PBP) supaya pesawah dapat menjual hasil padi secara terus kepada PBP tanpa melalui Orang Tengah. Untuk makluman, seramai 31,585 pesawah (30%) daripada keseluruhan 107,976 pesawah di bawah LPP, MADA dan KADA telah berurus niaga dengan Pusat Belian Padi yang diwujudkan. Pada tahun ini, Kementerian akan memperkukuhkan aktiviti ini dengan membangunkan 12 Pusat Belian Padi yang baru dengan sasaran seramai 75,583 pesawah (70%) akan berurus niaga di Pusat Belian Padi ini;
- ii. Di samping itu, Dana Kebajikan Petani (pinjaman mudah RM500 sehingga RM2,000) yang diwujudkan di setiap Pusat Belian Padi (RM100,000/ PBP) yang bertujuan untuk membantu petani mendapatkan bantuan pinjaman sewaktu kecemasan seperti membiayai persekolahan anak, perubatan dan sebagainya telah dimanfaatkan oleh seramai 2,112 orang pesawah dengan nilai pinjaman RM 1.684 juta. Inisiatif ini sekali gus dapat membendung keberhutangan pesawah kepada Orang Tengah. Untuk makluman, RM3.6 juta telah disalurkan kepada 36 Pusat Belian Padi yang

- telah dibangunkan pada 2014 manakala RM 1.2 juta akan disalurkan kepada 12 PBP yang akan dibangunkan pada 2015 untuk tujuan ini;
- iii. Selain itu, bimbingan dan fasilitasi yang telah diadakan secara berterusan bagi menerapkan Amalan Pertanian Baik kepada pesawah bertujuan untuk meningkatkan pemutuan kualiti padi yang dihasilkan sekali gus dapat meningkatkan pendapatan pesawah berkenaan. Sepanjang tahun 2014, seramai 410 pesawah (1,394.12 hektar daripada 391,000 hektar) telah dipersijilkan MyGAP; dan
 - iv. Secara keseluruhannya, program JMOT bagi subsektor padi menunjukkan peningkatan pendapatan pesawah sebanyak 8.87%, perluasan pasaran pesawah tanpa Orang Tengah, peningkatan kualiti hasil pengeluaran padi dan turut merangkumi pembelaan kebajikan pesawah yang terlibat.
- b) Manakala, melalui program JMOT subsektor perikanan yang dilancarkan pada 9 Februari 2014 telah menunjukkan pencapaian seperti berikut:
- i. Memperluaskan ruang pemasaran kepada nelayan Zon A dalam memasarkan hasil tangkapan terus kepada pengguna melalui pewujudan 49 Pasar Nelayan pada tahun 2014. Seramai 524 orang usahawan dengan nilai jualan RM33.77 juta telah dicatatkan hasil pewujudan 49 Pasar Nelayan tersebut. Melalui usaha ini juga, purata pendapatan nelayan meningkat sehingga 10% - 20% (lebih daripada RM1,500.00/ bulan), pengguna mendapat harga lebih murah (10% - 20%) daripada harga di pasar awam dan pengguna memperolehi bekalan ikan segar secara terus;
 - ii. Di samping itu, Kementerian juga telah menggerakkan inisiatif supaya pembelian terus hasil tangkapan ikan oleh Persatuan

Nelayan Kawasan (PNK) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dilaksanakan dengan menawarkan harga setanding kepada nelayan Zon A. Sepanjang tahun 2014, seramai 3,062 nelayan Zon A (10%) daripada keseluruhan 33,654 orang nelayan Zon A telah menjual hasil tangkapan kepada PNK dan NEKMAT dan berdasarkan rekod Kementerian, jumlah peningkatan pendapatan nelayan yang menjual hasil tangkapan kepada PNK dan NEKMAT ini meningkat daripada RM1,500 kepada RM1,650 - RM1,800 (10-20%) sebulan. Selain itu, ianya juga berjaya memecahkan monopoli Orang Tengah dalam penentuan harga belian hasil tangkapan nelayan, Sehubungan itu, Kementerian mensasarkan 6,730 nelayan (20%) akan menjual hasil tangkapan kepada PNK dan NEKMAT pada tahun 2015. Manakala, bagi mempertingkatkan keupayaan fasiliti di PNN dan PNK bagi tujuan menjalankan urus niaga berkenaan, pinjaman tanpa faedah kepada PNN dan PNK telah diperkenalkan (RM100,000/ PNN dan RM50,000/PNK dengan jumlah RM5.65 juta);

- iii. Disamping itu juga, program JMOT bagi subsektor perikanan ini juga berupaya memperkukuhkan *market share* di pasaran dan mengurangkan kebergantungan nelayan kepada Orang Tengah melalui pengukuhan aktiviti berikut:
 - a. Pengukuhan rangkaian lima (5) Pusat Pengumpulan dan Pusat Pengedaran (CC/DC) ikan air tawar (4 CC/DC akan dibangunkan pada tahun 2015);
 - b. Penyertaan 63 Persatuan Nelayan dalam jualan ikan di Pasar Tani (akan meningkatkan penyertaan kepada 101 Persatuan Nelayan pada tahun 2015);
 - c. Penyediaan 200MT stok simpanan ikan bagi tujuan imbalan harga ikan di waktu puncak (perayaan, banjir); di samping

- d. Turut menyediakan kemudahan pengambil alihan hutang nelayan kepada Orang Tengah, pinjaman mudah peralatan dan bagi tujuan peningkatan pendapatan nelayan (RM40 juta oleh TEKUN Nasional).
- c) Manakala melalui program JMOT subsektor sayuran dan buahan yang telah dilancarkan pada 23 Mei 2014 pula telah melibatkan 10 aktiviti utama merangkumi 16,329 (5.31%) pengusaha dengan impak kepada peningkatan pendapatan pengusaha terbabit dicatatkan seperti berikut:
- Pemasar Sayur – Sayuran di Pasar Tani
[peningkatan dari RM1,014 ke RM2,490 (145%)]
 - Pemasar Buah – Buah di Pasar Tani
[peningkatan dari RM1,297 ke RM2,712 (109%)]

Antara aktiviti yang dijalankan di bawah Jihad ini adalah seperti berikut:

- i. Menambah Pasar Tani di seluruh negara kepada 1,000 buah menjelang tahun 2020. Sehingga kini sebanyak 580 Pasar Tani telah diwujudkan bagi memberi ruang pemasaran kepada pengeluar untuk menjual hasil agromakanan terus kepada pengguna;
- ii. Mentransformasi ruang pemasaran konvensional kepada pemasaran moden dengan:
 - a. Menambah bilangan Agrobazaar Kedai Rakyat kepada 309 buah (249 kedai runcit sedia ada telah dinaik taraf dan 60 baru) dengan nilai jualan dicatatkan sebanyak RM202 juta dan RM31 juta daripadanya merupakan jualan sayur & buah;
 - b. 140 Karavan Tani (90 karavan sedia ada dinaik taraf dan 50 baru) dengan nilai jualan berjumlah RM14.8 juta.

- c. Di samping itu, Kementerian juga telah memperkenalkan Agrobazaar.com sebagai platform pepadanan perniagaan kepada pengeluar dan pengguna/ peruncit. Sehingga 2014, 1,336 ahli telah berdaftar dengan Agrobazaar.com dengan transaksi yang dicatatkan sebanyak RM2 juta. Disasarkan pada tahun 2015 sebanyak 3,000 pendaftaran dengan nilai transaksi RM2 juta dapat dicapai;
- iii. Selain itu, pengukuhan rangkaian logistik dan Pusat Pengumpulan/ Pusat Pengedaran turut ditingkatkan secara berterusan dengan menggembeleng 841 buah lori milik Jabatan/ Agensi dan ke arah pewujudan tambahan 200 Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) pada tahun 2015. Pada tahun 2014, 36 PPL telah disiapkan merangkumi 20 naik taraf PPL sedia ada dan 16 pembinaan PPL baru. Manakala, 89 PPL sedang dalam pembinaan (jangka siap pada tahun 2015) dan baki 75 sedang dalam proses perancangan pembinaan (tender/ sebut harga).

Berdasarkan kepada pencapaian dan penemuan isu-isu yang berkaitan semasa pelaksanaan program ini pada tahun 2014, pelaksanaan JMOT akan lebih menjurus ke arah memperkukuh dan memperkuat penguasaan di setiap rantai nilai sektor agromakanan dalam aspek pengeluaran, perkhidmatan sokongan, pemprosesan dan pemasaran agar pelaksanaan program ini dilihat relevan ke arah mencapai objektif yang telah disasarkan.

Selain itu, anjakan bagi mentransformasikan rantai nilai sektor agromakanan daripada *conventional* kepada *modernization* akan dijadikan sebagai asas perancangan kepada aktiviti JMOT. Salah satu usaha dalam mencapai evolusi ini adalah dengan memperkenalkan dan memperkuat medium pemasaran seperti Agrobazaar.com dan

Karavan Tani sebagai medium pemasaran secara terus dari ladang kepada pengguna.

Untuk makluman juga, mulai 1 Jun 2015 Kementerian telah membuat ketetapan supaya perbekalan di Pasar-Pasar Tani akan diperolehi secara terus daripada pengeluar-pengeluar agromakanan sahaja. Ini juga merupakan salah satu inisiatif Kementerian bagi mengurangkan manipulasi harga oleh Orang Tengah sekaligus memberikan impak kepada pengurangan harga barang di pihak pengguna.